



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 5 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGRICULTURE MINISTRY: GOVT SPENDS RM550MIL A MONTH IN SUBSIDIES TO STABILISE CHICKEN, EGG PRICES, THE STAR-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	JTDL ELAK JUAL HASIL PERTANIAN GUNA ORANG TENGAH - MAFI, ASTRO AWANI-ONLINE	
3.	MAFI TAMBAH BAIK KURSUS, SINAR HARIAN,ONLINE	
4.	PENERIMA ANUGERAH KHAS MENTERI, BH-ONLINE	
5.	KEMAS KINI KURIKULUM PENGAJIAN INSTITUT LATIHAN PERTANIAN SELARAS ZAMAN KURIKULUM,UM-ONLINE	
6.	ELAK ORANG TENGAH, JUAL HASIL PERTANIAN KEPADA PIHAK BEROTORITI	
7.	SEKTOR PERTANIAN AKAN DIPERKASAKAN – KM, MELAKA HARI INI.COM-ONLINE.	LAIN - LAIN
8.	PUSAT KUMPUL SPESIES KELULUT MILIK UMT, MUSNAH AKIBAT BANJIR, BERITA HARIAN-ONLINE	
9.	BEKAS JURUTERA JADI PENGUSAHA NANAS BERJAYA, BH-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	THE STAR	ONLINE	-

AGRICULTURE MINISTRY: GOVT SPENDS RM550MIL A MONTH IN SUBSIDIES TO STABILISE CHICKEN, EGG PRICES

By MARTIN CARVALHO, FATIMAH ZAINAL and ASHLEY TANG



PETALING JAYA: The government is spending RM550mil a month to subsidise the cost of chicken and eggs for the rakyat, says Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

He said the government has taken a drastic approach for chicken and eggs due to the price increase of these goods, adding that the government subsidies are RM0.60 per kg for chicken and RM0.05 for an egg.

“This amount looks little but it has reached RM550mil a month,” he said when replying to a question raised by Wong Hon Wai (PH – Bukit Bendera) in Dewan Rakyat on Thursday (March 3).

Wong had asked what the government’s efforts are to ensure that the price of goods such as chicken are stabilised in light of the increase of Brent crude oil prices and the disruption of global supply chains due to the Russia-Ukraine war.

Salim said this would help keep the cost low for such items meant for the rakyat such as what is done for fresh produce sold by farmers through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

Nik Muhammad said that they have plans to manage poultry farming in the country, although this would not guarantee that chicken and eggs prices would not increase in price as it also depends on other necessities that are imported from overseas.

On the issue of food security that was raised by Datuk Zakaria Mohd Edris (Bersatu - Libaran), Nik Muhammad said that the Ministry has taken several measures to guarantee the availability of food domestically.

Among others, he said, these were to improve supply chain efficiency through the construction and upgrading of collection, storage, processing, distribution and marketing centres as well as logistics and transportation facilities.

He said other improvements included infrastructure and facilities such as roads and farm facilities and expansion of farmers' market access through marketing outlets as well as encouraging entrepreneurial participation in eCommerce platforms and strategic collaboration platforms with the private sector.

Nik Muhammad added that the Ministry also boosted food production activities by providing subsidies and incentives for crop inputs.

He added that the Ministry has also formulated several strategies to raise domestic food production under the Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 which would help to reduce the country's reliance on imports.

Among them, he said, is to encourage the cooperation with the private sector through Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) to increase the productivity of the padi industry and country's rice, to establish the Lembaga Ruminan Negara, to expand urban agricultural activities and community farms, and to strengthen research and development to produce quality breeds and seeds to increase productivity.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	-

JTDL ELAK JUAL HASIL PERTANIAN GUNA ORANG TENGAH - MAFI



Pemasaran secara terus itu dapat memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan hasil pertanian pada harga yang jauh lebih murah. - Gambar hiasan

KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melihat pemasaran hasil pertanian secara terus kepada pasar raya besar sebagai satu lagi kaedah untuk mengurangkan kebergantungan pengeluar kepada orang tengah.

Timbalan Menteri II MAFI Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata pemasaran secara terus itu dapat memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan hasil pertanian dan produk hiliran pada harga yang jauh lebih murah.

Beliau memberi contoh pelaksanaan Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) antara LPP Kelantan dengan AEON Mall, Kota Bharu yang menawarkan hasil pertanian pada harga ladang yang lebih murah dan berpatutan kepada pengguna iaitu antara lima hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

"Selepas ini insyaAllah kami akan teruskan lagi program seumpamanya kerana kami tidak berapa gemar dengan 'orang tengah'.

"Jualan terus ke pasar raya adalah kaedah yang paling berkesan, insyaAllah kaedah ini akan jadi lebih kerap, mudah dan apabila sudah jadi serasi saya kira pihak PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan) boleh berurusan terus dengan pihak pasar raya dan tentunya harga akan jadi lebih murah tanpa adanya orang tengah atau pihak ketiga," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian JTDL, di sini pada Jumaat.

Turut hadir Pengerusi LPP Datuk Che Abdullah Mat Nawawi, Ketua Pegawai Sumber Manusia Dan Komunikasi Korporat AEON (M) Bhd Dr Kasuma Satria Mat Jadi dan Pengarah LPP Kelantan Mohd Hanifa Awang Su dan Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

JTDL melibatkan 22 usahawan peladang diadakan sejak Selasa hingga hari ini (1-5 Mac) menawarkan produk keluaran ahli PPK seperti sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ikan air tawar dan produk industri asas tani.

Program lima hari itu menyasarkan nilai jualan lebih RM120,000.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	-

MAFI TAMBAH BAIK KURSUS

Oleh DIANA AZIS Foto: MOHD HALIM ABDUL WAHID | | 05 Mac 2022




Ronald Khandee (depan) hadir pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada Khamis.

PUTRAJAYA - Kursus dan latihan kendalian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan sentiasa ditambah baik sebagai usaha melengkapkan pelajar dengan teknologi terkini industri agromakanan sekali gus mendedahkan mereka kepada pertanian moden berteraskan Revolusi Industri 4.0.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, pelajar akan diterapkan dengan proses pendidikan dan latihan berteraskan amalan industri merangkumi komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan industri.

“Para graduan bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal tetapi dibekalkan dengan ilmu keusahawanan sepanjang tempoh pengajian, seterusnya menjadi nilai tambah ketika di alam pekerjaan atau menjadi usahawan agromakanan di masa akan datang.

“Saya berharap graduan pada hari ini dapat melibatkan diri menjadi sebahagian dari usahawan tani yang sama-sama menjayakan visi dan misi MAFI dengan menyumbang kepada pembangunan ekonomi bagi menjamin sekuriti makanan negara di tahap terbaik.



Ronald Kiandee ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Pertanian Ke-10

“Saya percaya sebagai golongan muda yang mempunyai tenaga dan kekuatan serta pengetahuan teknikal dalam bidang pertanian, usaha kerajaan ke arah pertanian pintar akan tercapai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Konvokesyen Pertanian Ke-10 MAFI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada Khamis.

Ronald menjelaskan, MAFI melalui Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) akan terus melaksanakan program latihan untuk melahirkan belia yang kompeten dalam semua subsektor agromakanan.

Usaha itu katanya, bukan sahaja bagi memenuhi permintaan tenaga mahir dalam sektor berkenaan, malah melahirkan belia yang bakal menjadi usahawan agromakanan.



Suasana Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022

“Kerajaan telah dan akan terus memberi peruntukan yang cukup bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan di institut-institut latihan untuk mempertingkatkan mutu latihannya.

“Saya berharap mutu pengajian dan pembelajaran di semua institusi berkaitan dapat dibekalkan dan dipertingkat dari masa ke masa agar dapat memenuhi keperluan ‘stakeholders’ iaitu sektor awam dan swasta.

“Justeru pihak institut juga perlu mengambil langkah proaktif untuk menyemak dan menambahbaik kurikulum yang digunakan agar sejajar dengan keperluan dan perkembangan sektor pertanian masa kini,” ujarnya.



Petugas sedang membetulkan jubah seorang graduan yang sedang menanti giliran untuk penganugerahan

Sementara itu pada majlis konvokesyen berkenaan, seramai 1,721 graduan meliputi lepasan Diploma Kemahiran (288 graduan), Sijil Kemahiran (711 graduan), Sijil Pertanian (543 graduan), Sijil Veterinar (83 graduan) dan Sijil Perikanan (87 graduan) berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2020 dan 2021.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian & Industri Makanan 2021 kepada Nur Aifa Shaaeri dan Anugerah Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Makanan Tahun 2020, Mohd Zakaria Abd Rahman.

“Kepada para graduan saya ucapkan syabas kerana berjaya menghadapi segala cabaran untuk mencapai apa yang dicita-citakan,” katanya.

Sebagai rekod, MAFI telah berjaya melahirkan seramai 21,759 graduan terlatih sejak 1969.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	-

PENERIMA ANUGERAH KHAS MENTERI

Oleh DIANA AZIS Foto: MOHD HALIM ABDUL WAHID | | 05 Mac 2022



Nur Aifa (kanan) turut menerima wang tunai bernilai RM2,500 sebagai penerima anugerah khas Menteri.

Minat bidang pertanian dorong Nur Aifa pilih Kolej Pertanian

PUTRAJAYA - Minat yang mendalam terhadap bidang pertanian mendorong Nur Aifa Shaari untuk melanjutkan pengajian peringkat diploma di Kolej Pertanian Malaysia meskipun pernah ditawarkan menyambung pelajaran di sebuah universiti awam terkenal.

Namun berbekalkan iltizam serta 'kecintaan' terhadap bidang tersebut membuatkan gadis berumur 26 tahun dari Pasir Puteh, Kelantan itu tekad untuk menimba ilmu pertanian di kolej berkenaan pada 2017.

"Saya bersyukur kerana tidak salah membuat pilihan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang pertanian.

"Setelah tamat pengajian, saya mengusahakan projek pertanian melibatkan tanaman sayuran seperti kacang panjang, cil padi kampung dan bayam untuk dipasarkan sekitar daerah.

“Saya juga mengusahakan ternakan ikan keli dan ikan laga yang dipasarkan seluruh negara,” katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen berkenaan.



Ronald Kiandee menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Makanan Tahun 2021 kepada Nur Aifa Shaari.


Pada majlis itu, Nur Aifa yang merupakan graduan Diploma Penyelarasan Teknologi Makanan dinobatkan sebagai penerima anugerah khas Pinga Emas Menteri Pertanian dan Industri Makanan bagi tahun 2021 atas kecemerlangannya sepanjang mengikuti pengajian di Kolej Pertanian.

Menurut Nur Aifa, projek keusahawanan yang dilaksanakannya setelah tamat pengajian memberi pulangan lumayan apabila mampu menjana pendapatan sehingga RM10,000 sebulan.

“Saya mampu membina kerjaya sendiri setelah tamat pengajian sekali gus berharap dapat memperluaskan lagi projek pertanian ini di masa akan datang.

“Perancangan saya selepas ini adalah meningkatkan hasil kualiti tanaman yang diusahakan supaya boleh dieksport ke luar negara satu hari nanti,” katanya.

REAKSI GRADUAN



N. Harindraa Raa Natayanan

“Selepas tamat pengajian saya dapati banyak peluang pekerjaan yang boleh saya cuba. Selain mencari peluang pekerjaan, saya juga boleh gunakan ilmu untuk buka ladang ternakan sendiri dan memanfaatkan peluang mencipta pekerjaan.” - N. Harindraa Raa Natayanan, 24, Graduan Diploma Kemahiran Malaysia (Ternakan Ruminan)



R. Duryanah Japri

"Saya berpuas hati dengan bidang pengajian yang diceburi kerana ia memenuhi kehendak dan minat. Sekarang saya bekerja di Jabatan Perikan di Perak dan saya memanfaatkan peluang yang diberikan ini untuk meraih pengalaman." - R. Duryanah Japri, 25, Graduan Sijil Kemahiran Malaysia (Akuakultur Marin)



Muhammad Amirul Fikri

"Banyak ilmu pemasaran yang saya pelajari sepanjang pengajian dan tentunya saya akan gunakan pengalaman ketika latihan industri untuk diadaptasikan ketika alam pekerjaan. Saya tidak risau kerana peluang pekerjaan sentiasa ada untuk graduan kolej pertanian." - Muhammad Amirul Fikri Ismail, 22, Graduan Sijil Kemahiran Malaysia (Pemasaran)

INFO

Informasi Program Persijilan Latihan Pertanian

PERSIJILAN

- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1.
- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.
- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3.
- Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4.

TUJUAN

- Menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang pertanian sebagai pekerja mahir dan pengusaha pertanian bertaraf komersial dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pertanian negara.

OBJEKTIF

- Menyediakan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian yang meliputi semua peringkat pekerjaan iaitu mahir, penyeliaan dan pengurusan.
- Melahirkan usahawan tani muda yang berdaya saing, moden dan kreatif bagi mencapai negara berpendapatan tinggi.
- Menjadi platform kepada pelatih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi

PELAKSANAAN

- Program yang dijalankan berteras Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau National Occupational Skills Standard (NOSS) yang menyampaikan latihan berasaskan kompetensi kemahiran dan memfokuskan kepada latihan amali, projek serta stimulasi.
- Persijilan ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 hingga 25 tahun pada tarikh pendaftaran.
- Boleh membaca, menulis dan mengira.
- Sihat tubuh badan dan boleh melakukan aktiviti amali di lapangan.

PEMBIAYAAN LATIHAN

- Yuran pengajian percuma.
- Elaun RM200 hingga RM300 sebulan.
- Penginapan disediakan.
- Makan dan minum disediakan.

CARA PERMOHONAN

- Permohonan dibuka sepanjang tahun bagi Sesi Mac dan September.
- Permohonan secara atas talian di [www. mafi.gov.my/blkp](http://www.mafi.gov.my/blkp)

TEMPOH LATIHAN

Kurikulum Lama

Tahap 1 (Sijil) - 6 bulan.

Tahap 2 (Sijil) - 6 bulan.

Tahap 3 (Sijil) - 12 bulan + 3 bulan Latihan Industri.

Tahap 4 (Diploma) - 12 bulan + 6 bulan Latihan Industri.

Kurikulum Baharu

1. Tahap 2 (Sijil) - 12 bulan.

Tahap 3 (Sijil) - 24 bulan (termasuk 3 bulan Latihan Industri).

Tahap 4 (Diploma) - 18 bulan (termasuk 6 bulan Latihan Industri).

BIDANG DITAWARKAN

Teknologi Perikanan Tangkapan.

Pengeluaran Padi.

Tanaman.

Pemasaran.

Pengeluaran Makanan (Pemprosesan).

Ternakan (Ruminan).

Ternakan (Poltri).

Akuakultur Marin.

Akuakultur Ternakan Air Tawar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

Kemas kini kurikulum pengajian institut latihan pertanian selaras zaman

Kurikulum

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
3 Mac 2022, 3:48 pm



RONALD Khande (tengah) beramah mesra bersama penerima anugerah pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022 di PICC, Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Institut-institut latihan pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diminta sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum sedia ada. Ini supaya sejajar dengan perkembangan sektor pertanian masa kini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khande berkata, pada masa sama, mutu pengajaran dan pembelajaran di semua institut berkenaan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

“Ia penting bagi memastikan graduan yang keluar kelak dapat memenuhi keperluan pemegang taruh iaitu sektor awam mahupun swasta.

“Kerajaan telah dan akan terus memberikan peruntukan yang cukup bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan di institut-institut latihan untuk mempertingkatkan lagi mutu latihannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022 di Pusat Konvokesyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

Katanya, MAFI melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensinya akan terus melaksanakan program latihan bagi melahirkan belia yang kompeten dalam semua subsektor agromakanan.

Ronald berkata, beliau dimaklumkan, kira-kira 65 peratus graduan institut latihan MAFI yang tamat pengajian pada tahun 2021 sudah diterima bekerja dalam pelbagai sektor.

Terdahulu, seramai 1,712 graduan diraikan pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022 membabitkan graduan yang tamat pengajian bagi tahun 2020 dan 2021.

Ia terdiri daripada 288 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 711 graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 543 graduan Sijil Pertanian Malaysia, 83 graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 87 graduan Sijil Perikanan.

Setakat ini, MAFI telah berjaya mengeluarkan seramai 21,759 graduan terlatih sejak tahun 1969 menerusi 14 pusat latihan pertanian di seluruh negara. —UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	KOSMO	ONLINE	-

ELAK ORANG TENGAH, JUAL HASIL PERTANIAN KEPADA PIHAK BEROTORITI

Oleh ROSALWANI CHE SOH



Nik Muhammad Zawawi (tiga dari kanan) melihat hasil pertanian tempatan yang dijual menerusi Program Jualan Terus Dari Ladang di AEON Kota Bharu hari ini. - FOTO: ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU – Golongan petani disarankan agar menjual hasil pertanian mereka kepada pihak yang berotoriti selain tidak bergantung kepada orang tengah yang sentiasa mengambil kesempatan terhadap mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) merupakan agensi yang bertanggungjawab memantau keadaan petani dan menyalurkan hasil tani mereka ke tempat yang betul.

“PPK bertindak sebagai agensi yang menyediakan perkhidmatan percuma dan tidak mengambil kesempatan terhadap petani. Kita tahu kebanyakan petani terdiri daripada penduduk kampung selain tidak mempunyai kemahiran untuk memasarkan hasil pertanian mereka.

“Sehubungan dengan itu, PPK akan membantu petani dengan memasarkan hasil pertanian ke tempat yang sewajarnya. Sebagai contoh, hasil pertanian mereka kini sudah dipasarkan di pusat beli-belah AEON Kota Bharu selain dijual pada harga yang berpatutan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang anjuran PPK Kelantan di pusat membeli belah AEON, Lembah Sireh di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi memberitahu, pihaknya menasarkankan jualan sebanyak RM120,000 untuk produk pertanian dan usahawan industri kecil dan sederhana dalam tempoh lima hari program itu dijalankan di pusat beli-belah berkenaan.

Menurutnya, pihak kementerian berharap usaha itu dapat membantu petani supaya tidak bergantung kepada orang tengah yang hanya mengambil kesempatan terhadap golongan itu. –
KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	MELAKA HARI INI.COM	ONLINE	-

SEKTOR PERTANIAN AKAN DIPERKASAKAN – KM

By Faiz Hasan -Thursday, 3 March 2022 @ 15:17095



GAMBAR fail JAMBU lohan merupakan antara produk pertanian yang mendapat sambutan dari seluruh negara. FOTO MR Azli

SERI NEGERI 3 Mac – Kerajaan menyambut baik cadangan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam agar sektor pertanian diperkasakan pasca penularan pandemik COVID-1.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, susulan itu tanah terbiar di negeri ini akan dibangunkan sekali gus memberikan pulangan kepada Melaka.

Katanya, orang muda perlu mengambil peluang dan menceburkan diri dalam bidang pertanian yang menyumbang 13 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

“Kita minta Jabatan Pertanian negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk sama-sama bantu memberi bimbingan dalam sektor ini.

“Ia sekali gus membuka peluang anak muda yang berminat ini ke arah bidang keusahawanan.

“Malah usaha ini mampu membuka sebuah lokasi baharu sebagai pusat pengumpulan hasil setempat bagi menjual hasil pertanian yang ada,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, di Seri Negeri, hari ini.

Terdahulu, Mohd Ali dalam ucapan pembukaan Perasmian Persidangan DUN Isnin lalu menyarankan kerajaan negeri memberi fokus kepada pembangunan pertanian bagi meningkatkan semula KDNK Melaka selepas dihimpit wabak pandemik COVID-19.

Tun Mohd Ali berkata, KDNK Melaka pada 2020 menguncup sebanyak 5.9 peratus berikutan wabak berkenaan namun sektor pertanian menunjukkan peningkatan sebanyak 3.7 peratus dalam tempoh sama.

“Justeru saya mencadangkan supaya kerajaan negeri menjalankan kajian mengenai potensi Melaka menjadi hub industri pertanian berteknologi tinggi untuk membekalkan sumber makanan bagi membolehkan pengurangan import makanan ke Melaka dan Malaysia,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	-

PUSAT KUMPUL SPESIES KELULUT MILIK UMT, MUSNAH AKIBAT BANJIR

Oleh BERNAMA - Mac 5, 2022 @ 11:18am



KUALA BERANG: Banjir luar biasa yang melanda Hulu Terengganu, bukan sahaja memusnahkan kediaman penduduk, malah turut menenggelamkan Repositori Kelulut Indo-Malaya Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang terletak di Taman Pertanian Negeri Sekayu.

Repositori itu ialah pusat pengumpulan dan penyimpanan 24 spesies kelulut Indo-Malaya yang terbesar di dunia, dikumpul Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut UMT (SIG) dari segenap pelusuk negeri sejak berpuluh tahun lalu.

Ketua SIG, Prof Dr Shamsul Bahri Abd Razak, berkata repositori itu menempatkan pelbagai spesies kelulut yang menarik dan jarang ditemui seperti *Tetragonula repeni*, *Tetragonula minangkabau*, *Tetragonula melina*, *Lophotrigona canifrons* dan *Patriotrigona pandelburyi*.

Justeru ia menjadi tumpuan pengkaji dan penyelidik dari dalam dan luar negara yang berminat untuk membuat penelitian serta pengumpulan data berkaitan spesies serangga berkenaan.

"Ia juga satu kerugian kepada sektor ekopelancongan negeri kerana repositori yang dibangunkan bersama Jabatan Pertanian Negeri Terengganu ini ialah satu-satunya tempat yang memiliki koleksi terbesar spesies kelulut Indo-Malaya di dunia," katanya.

"Kami anggarkan kerugian fizikal dari segi peralatan dan sebagainya adalah sekitar RM150,000. Tetapi perkara yang lebih menyedihkan ialah bahan-bahan penyelidikan di sini yang mengambil masa begitu lama untuk dikumpul akhirnya musnah sekelip mata," katanya.

Shamsul Bahri berkata, sebahagian besar daripada koleksi spesies kelulut yang ditempatkan di repositori tersebut diperoleh melalui sumbangan daripada peminat serta pengumpul spesies kelulut dari serata negeri.

Selain itu pasukan SIG sendiri turut melakukan siri kembara ke serata tempat bagi memburu spesies kelulut yang jarang ditemui untuk dijadikan rujukan bagi kerja-kerja penyelidikan dan sumber bank genetik khazanah warisan alam semula jadi negara. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	-

BEKAS JURUTERA JADI PENGUSAHA NANAS BERJAYA

Mac 5, 2022 @ 2:21pm



Pengusaha nanas Roslee Ismail, 51, (kanan) dibantu adik perempuannya Rosnah Ismail dan suaminya Ady Abu Aris (tengah) menunjukkan nanas jenis MD2 yang telah ditempah pelanggan di Kampung Lepau, Pengerang di Kota Tinggi baru-baru ini. - Foto Bernama

PENGERANG: Nekat meninggalkan bidang kejuruteraan untuk berbudi kepada tanah, ternyata memberi pulangan lumayan kepada Roslee Ismail yang mengusahakan tanaman nanas di Kampung Lepau, Pengerang di Kota Tinggi.

Melihat hamparan tanaman nanas setiap kali pulang ke kampung halaman, Roslee, 51, berkata dia terdetik untuk menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya baharu.

"Sebelum ini saya bekerja 'makan gaji' sebagai jurutera kimpalan di sebuah syarikat swasta di Selangor dan apabila pulang ke kampung di Kota Tinggi, saya melihat ramai orang luar yang mengusahakan tanaman nanas, daripada situlah timbulnya keinginan untuk berbakti kepada tanah di kampung halaman sendiri," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Roslee berkata, pada 2006 dia mencuba nasib dengan membuat permohonan sewaan tanah daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pihak berkenaan bersetuju menyewakan tanah seluas 8.09 hektar di Kampung Lepau kepadanya.

Sejak daripada itu, dia mengusahakan nanas jenis M36 diikuti Morris, Crystal Honey dan Josaphine sebelum menumpukan sepenuhnya kepada nanas MD2 susulan ia mendapat permintaan tinggi di pasaran.

"Bermodalkan kira-kira RM100,000 saya memulakan tanaman nanas dengan mengupah pekerja untuk mengusahakannya selama kitaran 18 bulan," kata Roslee yang berkelulusan Sijil Teknologi Kimpalan dari Institut Kemahiran Belia.

Sebagai individu yang baru berjinak-jinak dengan sektor pertanian, dia sememangnya tidak dapat lari daripada pelbagai cabaran termasuk pada awalnya gagal dalam permohonan untuk mendapatkan tanah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Jabatan Pertanian berikutan mempunyai saingan ramai.

"Selepas 18 bulan, percubaan saya untuk mengusahakan nanas berjaya dan pada masa sama terdapat beberapa pengusaha nanas dalam projek TKPM gagal, selepas itulah pihak Jabatan Pertanian menawarkan kepada saya tanah 20 ekar dan selepas cukup kitaran mereka menawarkan lagi 20 ekar tanah TKPM, syukur sehingga kini saya sudah mempunyai 40 ekar tanah untuk diusahakan," katanya.

Menurut Roslee yang berpindah ke kebun TKPM pada 2009, dia gembira dan berpuas hati apabila melihat hasil tanaman nanasnya mendapat permintaan ramai sekali gus membuatnya nekad berhenti kerja sebagai jurutera kimpalan bagi menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap kebun nanas itu pada tahun sama.

Lebih menggembirakannya apabila Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) turut menawarkan kepadanya pinjaman benih MD2 sebanyak RM100,000 pada 2013 bagi mempergiatkan lagi usaha tanaman nanas varieti itu bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran domestik serta eksport.

"Dalam tempoh seminggu kita mampu mengeluarkan 200 biji nanas jenis MD2 dengan purata jualan sebiji RM3 bersamaan RM6,000 seminggu dan jika dibantu LPNM dengan subsidi yang ada, petani hanya keluar kos dalam RM1 bererti bersih dalam RM2 sebiji untuk buah sahaja bermakna pendapatan bersih boleh dapat RM4,000 seminggu," katanya.

Berdasarkan rekod LPNM, Johor adalah pengeluar nanas terbesar negara diikuti Sarawak, Sabah dan Kedah.

Ketika ditanya mengenai harapan terhadap pengusaha nanas sepertinya dia berharap kerajaan dapat mempergiatkan lagi industri pengeluaran nanas dengan menyediakan pelbagai bantuan dan latihan agar lebih ramai agropreneur muda terbabit dalam tanaman komoditi itu.

"Saya sendiri bersedia menawarkan diri untuk memberi latihan kepada anak muda untuk mempelajari mengenai penanaman nanas ini, kerana ia bukan sahaja antara sumber kekayaan baharu negara malah mampu meningkatkan pendapatan petani.

"Saya yakin dengan adanya banyak program latihan sebegini dapat menarik lebih ramai golongan belia daripada kumpulan B40 untuk terbabit dalam sektor pertanian dan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka," kata bapa lima anak itu.

— BERNAMA